

## EKONOMI

# Rakyat Malaysia perlu tingkatkan literasi digital untuk kembangkankekayaan peribadi -- HSBC Malaysia



09/09/2021 05:14 PM

KUALA LUMPUR, 9 Sept – Pengguna di Malaysia perlu dilengkapi dengan tahap literasi digital yang lebih tinggi bagi meningkatkan akses kepada literasi kekayaan dan penyelesaian penciptaan kekayaan yang menjadi asas kepada pertumbuhan kekayaan peribadi mereka, kata HSBC Malaysia.

"Perbankan digital dijangka berkembang lebih daripada 20 peratus setiap tahun sehingga 2025, bagaimanapun, individu yang kurang literasi kewangan dan digital yang diperlukan berisiko akan ketinggalan.

"Berikutan lebih banyak proses dijalankan secara automasi dan institusi kewangan menggunakan teknologi kewangan bagi melaksanakan perkhidmatan kewangan kepada pengguna dan perniagaan menerusi perkhidmatan peranti digital, orang ramai perlu mempunyai minda yang mengutamakan digital untuk berkembang maju dalam meningkatkan kekayaan peribadi mereka," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, Ketua Kekayaan dan Perbankan Peribadi HSBC Malaysia Renee Bullock-Cann berkata pandemik telah mendorong masyarakat memikirkan semula dalam pelbagai aspek termasuk cara kekayaan itu dikumpulkan, dipelihara dan dikekalkan.

"Secara khususnya, kami melihat cabaran dalam pemindahan kekayaan, golongan dalam masyarakat yang perlu meningkatkan literasi digital mereka, dan kekayaan yang menjadi sebahagian daripada pendekatan terhadap kesejahteraan, berbanding kekayaan itu sendiri," katanya.

Katanya HSBC akan terus menyatukan penyelesaian pengurusan kekayaan dan kesedaran mengenai kekayaan dalam perbankan mudah alih untuk memberikan pengalaman perbankan yang mudah dan mantap kepada pelanggan.

Selain menguruskan akaun mereka secara dalam talian, pelanggan boleh mengakses dan melabur dalam unit amanah di hujung jari mereka menerusi EZinvest – platform pelaburan unit amanah yang tersedia di aplikasi mudah alih bank itu.

"Pelan pelaksanaan digital HSBC juga termasuk papan pemuka kekayaan mudah alih, perkhidmatan pembukaan akaun pelaburan, Know Your Customer (eKYC) elektronik, pembayaran terbuka tempatan dan antarabangsa, kemudahan perkhidmatan kad dan program kesetiaan," katanya.

-- BERNAMA